MOHD ISKANDAR IDRIS lwn. ADENAN MD ISA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ROZANA ALI YUSOFF PK
[GUAMAN NO: 21NCVC-162-09-2012]
4 FEBRUARI 2015

TORT: *Kecuaian – Representasi cuai – Lelongan awam – Pembeli membeli motokar berdasarkan representasi bahawa motokar sah dan tidak bermasalah – Pembeli ditangkap kerana didakwa memiliki motokar curi – Tuntutan bagi ganti rugi terhadap defendan-defendan – Sama ada defendan-defendan sedia maklum bahawa motokar adalah motokar curi – Sama ada proses lelongan sah – Sama ada defendan pertama dan kedua cuai atau gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab rasmi – Sama ada defendan ketiga selaku majikan bertanggungan secara vikarius – Sama ada plaintif berhak menuntut ganti rugi daripada kesemua defendan*

TORT: *Tanggungan vikarius – Liabiliti kerajaan – Pembeli membeli motokar berdasarkan representasi bahawa motokar sah dan tidak bermasalah – Pembeli ditangkap kerana didakwa memiliki motokar curi – Sama ada defendan-defendan sedia maklum bahawa motokar adalah motokar curi – Sama ada defendan pertama dan kedua cuai atau gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab rasmi – Sama ada defendan ketiga selaku majikan bertanggungan secara vikarius*

Plaintif telah membeli sebuah kenderaan ('motokar tersebut'), tahun 1997 daripada defendan pertama dalam satu lelongan awam dengan harga RM1,250 berdasarkan representasi bahawa motokar tersebut sah dan tidak mempunyai apa-apa masalah serta hakmilik boleh ditukar kepada plaintif. Walau bagaimanapun, kira-kira setahun kemudian, plaintif telah ditangkap oleh pihak polis kerana didakwa memiliki motokar curi. Motokar tersebut turut disita dan seterusnya dikembalikan kepada pihak yang menuntut iaitu Etiqa Insuran. Oleh itu, tuntutan ini. Dengan menghujahkan bahawa defendan-defendan gagal memaklumkan kepada plaintif bahawa motokar tersebut adalah sebuah kenderaan curi, plaintif menuntut, antara lain, (i) ganti rugi khas sebanyak RM12,335; (ii) ganti rugi akibat kehilangan pendapatan RM8,000 sebulan selama 19 bulan yang berjumlah RM152,000; (iii) ganti rugi am sebanyak RM1,000,000 akibat kecuaian defendan menyebabkan plaintif mengalami trauma yang besar kesan daripada tangkapan oleh pihak polis; dan (iv) ganti rugi teladan. Sebaliknya, defendan-defendan menafikan sebarang pengetahuan bahawa motokar tersebut adalah motokar curi kerana semasa proses lelongan, ia tidak disenaraihitamkan oleh pihak polis. Menurut defendan-defendan lagi, proses lelongan awam kenderaan tersebut adalah sah sebagaimana yang diperuntukkan oleh s. 64(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ'). Isu-isu yang timbul bagi pemutusan mahkamah adalah (i) sama ada defendan pertama dan kedua telah cuai atau gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab rasminya apabila menjual

motokar curi secara lelongan awam kepada plaintif; (ii) sama ada defendan ketiga selaku majikan kepada defendan pertama dan kedua bertanggungan secara vikarius; dan (iii) sama ada plaintif berhak menuntut ganti rugi daripada kesemua defendan.

Diputuskan (membenarkan sebahagian tuntutan):

(1) Melalui notis sita, defendan pertama dan kedua sememangnya mempunyai pengetahuan bahawa motokar tersebut adalah motokar curi. Defendan pertama dan kedua gagal memastikan bahawa status motokar tersebut bebas daripada sebarang sekatan sebelum lelongan dilaksanakan. Proses lelongan motokar tersebut tidak melalui satu proses yang teliti dan berhati-hati kerana kedua-dua defendan telah mengetahui bahawa kereta tersebut telah ditahan atas beberapa kesalahan di bawah APJ yang boleh membawa kemungkinan munasabah bahawa motokar tersebut adalah motokar yang bermasalah dan berkemungkinan sebuah motokar curi. Defendan pertama dan kedua tidak wajar meletakkan kegagalan memastikan status motokar tersebut atas pihak polis dengan alasan pihak polis gagal mengemaskini senarai hitam dalam pangkalan data. Defendan pertama dan kedua telah cuai dalam memastikan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab berkaitan dengan status motokar. (perenggan 42)

(2) Oleh kerana plaintif telah berjaya membuktikan liabiliti terhadap defendan pertama dan kedua, defendan ketiga, selaku majikan kepada defendan pertama dan kedua bertanggungan secara vikarius bagi kesemua tindakan oleh defendan pertama dan kedua. (perenggan 42)

(3) Tuntutan ganti rugi khas sebanyak RM12,335 dibenarkan kerana ia merupakan kesan akibat langsung penjualan motokar tersebut oleh defendan-defendan kepada plaintif yang mana sekiranya plaintif mengetahui motokar tersebut adalah kenderaan curi, maka adalah munasabah plaintif tidak akan membeli dan juga membelanjakan sejumlah wang seperti yang dituntut. (perenggan 42)

(4) Tuntutan ganti rugi kehilangan pendapatan ditolak. Tempoh 19 bulan kehilangan pendapatan bukanlah satu jangka masa yang munasabah. Plaintif gagal membuktikan mengapa dia tidak dapat bekerja dari segi perubatan atau sebab lain. Jika benar plaintif tidak dapat bekerja dan perniagaannya merudum, adalah tanggungjawab plaintif mengambil langkah yang sewajarnya dalam usaha mengurangkan kerugian yang didakwa tetapi tiada keterangan oleh plaintif untuk menunjukkan sebaliknya. (perenggan 43)

(5) Plaintif gagal membawa keterangan yang memuaskan dalam membuktikan bahawa reputasinya terjejas dan mengalami trauma akibat insiden ditahan oleh pihak polis. Namun begitu, defendan-defendan tidak mencabar tuntutan ganti rugi am yang dituntut oleh plaintif. Dengan itu, mahkamah berpendapat bahawa defendan-defendan

bersetuju dengan apa yang dihujahkan dan dituntut oleh plaintif. Tuntutan plaintif bagi ganti rugi am bagi jumlah RM50,000 dibenarkan sebagai jumlah yang wajar dan munasabah. (perenggan 46)

(6) Tuntutan ganti rugi teladan dan teruk oleh plaintif ditolak. Plaintif gagal membuktikan bahawa dia tergolong dalam salah satu daripada tiga kategori yang dinyatakan dalam *American International Assurance Company Ltd v. Koh Yen Bee*. Tindakan defendan-defendan hanya menjurus kepada unsur-unsur kecuaian kepada ketidakpatuhan prosedur iaitu kegagalan defendan-defendan untuk menentukan status motokar tersebut. (perenggan 48)

Kes-kes yang dirujuk:

Abraham Ho Ah Loke v. William Manson-Hing [1948] 1 LNS 2 HC ***(dirujuk)***
American International Assurance Company Ltd v. Koh Yen Bee [2002] 4 CLJ 49 CA ***(dirujuk)***
Bekalan Sains P & C Sdn Bhd v. Bank Bumiputra Malaysia Bhd [2011] 1 LNS 232 CA ***(dirujuk)***
British Westinghouse Electric And Manufacturing Co Ltd v. Underground Electric Railways Co of London Ltd [1912] AC 673 ***(dirujuk)***
Darbishire v. Warren [1963] 1 WLR 1067 ***(dirujuk)***
Datuk Mohd Ali Hj Abdul Majid & Anor v. Public Bank Bhd [2014] 6 CLJ 269 FC ***(dirujuk)***
Guan Teik Sdn Bhd v. Hj Mohd Noor Hj Yakob & Ors [2000] 4 CLJ 324 CA ***(dirujuk)***
Gurcharan Singh Bachittar Singh v. Penguasa, Tempat Tahanan Perlindungan Kamunting, Taiping & Ors [1996] 4 CLJ 219 HC ***(dirujuk)***
Keppel Bus Co Ltd v. Sa'ad Bin Ahmad [1972] 1 LNS 53 HC ***(dirujuk)***
Lim Ah Chi v. Tan Ah Mui & Anor [1968] 1 LNS 67 FC ***(dirujuk)***
Nordin Hj Zakaria (Timbalan Ketua Polis Kelantan) & Anor v. Mohd Noor Abdullah [2004] 2 CLJ 777 FC ***(dirujuk)***
Rookes v. Barnard [1964] AC 1129 ***(dirujuk)***
Roshairee Abd Wahab v. Mejar Mustafa Omar & Ors [1997] 1 CLJ Supp 39 HC ***(dirujuk)***
Yogananthy AS Thambaiya v. Idris Osman [1997] 5 CLJ 705 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Evidence Act 1950, s. 103
Road Transport Act 1987, ss. 64(1), (4), 114(1)

Bagi pihak plaintif - Mohd Hakimi Abd Kadir; T/n Hakimi & Partners
Bagi pihak defendan - Nurhasmanita Abd Manap; Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Rozana Yusoff PK:

Pendahuluan

[1] Tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan adalah untuk ganti rugi akibat daripada kecuaian di pihak defendan-defendan kerana gagal memaklumkan kepada plaintif bahawa kereta yang dibeli olehnya di lelongan awam yang dikendalikan oleh defendan-defendan adalah sebuah kenderaan curi.

[2] Tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan adalah seperti berikut:

(a) Jumlah sebanyak RM164,335;

(b) Ganti rugi sejumlah RM1,000,000 atau seperti yang ditaksirkan oleh mahkamah akibat daripada penjualan kenderaan curi tersebut kepada plaintif;

(c) Ganti rugi teladan;

(d) Faedah pada kadar 8% setahun ke atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman sehingga ke tarikh penyelesaian penuh;

(e) Kos; dan

(f) Apa-apa relif yang mana Mahkamah Kehormat ini fikirkan patut dan wajar.

Fakta Kes

[3] Plaintif adalah seorang artis dan ahli perniagaan yang mempunyai alamat penyampaiannya di D-13-2, Apartment Taman Medan Jaya, PJS 2/1, 46150 Petaling Jaya, Selangor.

[4] Defendan pertama adalah pada masa material adalah Penolong Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia Cawangan di Selangor. Defendan kedua adalah Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia. Defendan ketiga adalah Kerajaan Malaysia dan majikan kepada defendan pertama dan kedua.

[5] Pada 31 Oktober 2008, plaintif telah membeli sebuah kenderaan jenis Perodua Kancil (EX), tahun 1997, nombor pendaftaran CAV 4198 (motokar tersebut) daripada defendan pertama dalam jualan lelongan awam yang diadakan di Jalan Padang Jawa, Seksyen 16, 40620 Shah Alam, Selangor. Dalam lelongan tersebut defendan pertama telah memberikan suatu representasi bahawa motokar tersebut adalah sah dan tidak mempunyai apa-apa masalah dan hakmilik boleh ditukar kepada plaintif.

[6] Plaintif telah berjaya membida motokar tersebut dan telah membayar wang sebanyak RM1250 kepada defendan pertama dan telah membaiki motokar tersebut dan pada masa yang sama telah membuat permohonan kepada defendan kedua untuk menukar enjin motokar tersebut dan telah diluluskan. Kemudiannya motokar tersebut dihantar ke Puspakom untuk pemeriksaan dan telah diluluskan untuk kegunaan atas jalanraya. Plaintif juga telah membuat permohonan untuk menukar hakmilik motokar tersebut kepada namanya dan permohonan tersebut masih dalam proses kelulusan.

[7] Walau bagaimanapun, pada 14 September 2009 plaintif telah ditangkap dan digari oleh pihak polis di khalayak ramai di Pasar Ramadhan ketika beliau sedang berniaga minuman dan dibawa ke Balai Polis Seapark atas alasan memiliki motokar curi. Plaintif telah ditahan dalam lokap untuk disoal siasat dan setelah plaintif menjelaskan keadaan sebenar, beliau telah

dibebaskan dengan jaminan polis. Namun begitu, motokar tersebut telah disita oleh pihak polis dan dikembalikan oleh pihak polis kepada pihak yang menuntut iaitu Etiqa Insuran.

[8] Dalam mendapatkan semula motokar tersebut, plaintif telah membayar sejumlah wang kepada Etiqa Insuran termasuk kos penyimpanan. Namun sebaik plaintif mendapat semula motokar tersebut, ianya bukan lagi dalam keadaan asal dan perlu diperbaiki dengan kos dalam bentuk ganti rugi khas sebanyak RM12,335 untuk perkara-perkara berikut:

(i) Bayaran Tender Form	RM50
(ii) Wang Pembelian Motokar tersebut	RM1,250
(iii) Kos baiki	RM2,500
(iv) Kos cat semula	RM1,800
(v) Aircond	RM150
(vi) Beli enjin kosong	RM800
(vii) Tukar Seat	RM180
(viii) Carian maklumat	RM30
(ix) Bayaran kepada Etiqa Insuran	RM1,500
(x) Bayaran penyimpanan	RM1,500
(xi) Pemeriksaan puspakom	RM125
(xii) Kos Towing	RM450
(xiii) Kos perjalanan dan ulang-alik	RM2,000
Jumlah keseluruhan	RM12,335

[9] Disebabkan kehilangan pendapatan, kehidupan peribadi plaintif telah terjejas terutamanya perkahwinannya hancur bila mana akhirnya isteri beliau telah meminta cerai. Plaintif juga menuntut kehilangan pendapatan dan kerugian sebanyak RM152,000.

Hujahan Plaintif

[10] Plaintif berhujah beliau telah berjaya membuktikan bahawa motokar tersebut adalah kenderaan curi melalui laporan polis yang dibuat oleh pemilik asal, SP5. Isu ini tidak dipertikaikan oleh defendan dan diakui motokar tersebut adalah kereta curi.

[11] Plaintif menghujahkan bahawa defendan-defendan telah melakukan kecuaian atas kegagalan berikut:

(a) Kegagalan untuk mengemaskini datanya bahawa motokar tersebut adalah kenderaan curi walaupun telah menerima makluman atau pemberitahuan dari SP5.

(b) Kegagalan JPJ Bentong untuk memaklumkan JPJ Selangor mengenai status terkini motokar tersebut sebelum sebarang tindakan susulan dibuat walaupun mempunyai pengetahuan secara peribadi dari SP5.

(c) Kegagalan untuk memaklumkan kepada pihak yang menuntut tentang motokar tersebut walaupun mempunyai pengetahuan SP5 telah dibayar pampasan atas kehilangan motokar tersebut.

(d) Kegagalan untuk menyemak dengan pihak polis walaupun:

(i) Keadaan yang membawa motokar tersebut ditahan dan disita menimbulkan suatu kesangsian atau syak bahawa ianya adalah motokar curi.

(ii) Defendan berpeluang luas untuk menyemak pada sebarang masa disebabkan pejabat polis adalah dalam bangunan JPJ sendiri.

[12] Plaintif berhujah bahawa pembelian tersebut adalah berdasarkan representasi yang diberikan oleh defendan pertama bahawa kereta tersebut tidak mempunyai atau terlibat dengan sebarang rekod jenayah yang akan memberikan masalah kepada plaintif semasa urusan penukaran hakmilik kelak. Adalah jelas bahawa motokar tersebut yang dijual kepada plaintif dalam lelongan awam adalah kereta curi dan defendan-defendan telah melakukan kecuaian apabila menjualnya kepada plaintif.

[13] Plaintif menghujahkan bahawa defendan-defendan telah gagal dalam tanggungjawab mereka untuk memastikan motokar tersebut adalah sah untuk jualan kepada umum dan gagal untuk melaksanakan tugas bagi mematuhi prosedur dan undang-undang dalam menjalankan lelongan awam untuk motokar tersebut. Ini dapat dibuktikan melalui cara lelongan awam tersebut dibuat di mana sepatutnya selepas maklumat bahawa motokar tersebut telah dicuri dibawa ke pengetahuan defendan-defendan, motokar tersebut tidak sepatutnya sama sekali dijual kepada umum.

[14] Plaintif menghujahkan bahawa penjualan motokar tersebut kepada plaintif melalui lelongan awam adalah tidak sah atas alasan-alasan berikut.

(a) Penahanan dan penyitaan motokar tersebut oleh defendan-defendan adalah tidak sah kerana defendan-defendan telah mendapat maklumat bahawa motokar tersebut adalah kereta curi.

(b) Penahanan motokar tersebut oleh defendan melebihi tempoh yang dibenarkan oleh s. 64(1) APJ adalah tidak sah memandangkan sebaik menerima maklumat dari SP5, motokar tersebut sepatutnya dilepaskan.

(c) Kehendak peruntukan s. 64(4) APJ telah dipenuhi kerana defendan-defendan tidak berhak untuk menjual motokar tesebut memandangkan SP5 telah memaklumkan kepada defendan cawangan di Bentong dan cawangan di Selangor bahawa motokar tersebut telah hilang dicuri dan telah memberikan laporan polis yang dibuatnya kepada defendan-

defendan, serta memberitahu beliau telah mendapat pampasan daripada pihak insuran. Oleh itu, pihak yang berhak menuntut motokar tersebut adalah Etiqa Insuran.

[15] Selaras dengan itu, penwartaan oleh defendan-defendan adalah juga tidak sah kerana hak untuk menjual tidak wujud.

(a) Defendan-defendan tidak boleh memberikan hakmilik kepada plaintif. Ini terbukti apabila pindahmilik hanya boleh dibuat setelah Etiqa Insuran melepaskan haknya dan polis membatalkan senarai hitam. Oleh itu, terdapat kegagalan balasan secara total bagi wang pembelian yang dibayar oleh plaintif.

(b) Defendan-defendan telah gagal menyemak dan/atau menyiasat dengan pihak polis tentang status dan kedudukan motokar tersebut sebelum melelong motokar tersebut, walaupun kehendak s. 114 APJ jelas menyatakan bahawa penyiasatan perlu dibuat kepada semua pihak.

[16] Kejadian penangkapan plaintif oleh pihak polis telah menyebabkan trauma yang besar kepada diri plaintif. Ini adalah kali pertama plaintif diperlakukan di mana beliau telah digari di khalayak ramai dan dibawa ke balai polis seolah-olah sebagai seorang penjenayah bagi kesalahan yang beliau tidak lakukan. Plaintif telah kehilangan reputasinya dan kepercayaan di kalangan umum termasuk klien-klien perniagaannya dan menjatuhkan imejnya lebih-lebih lagi beliau adalah merupakan seorang artis dan figura awam.

[17] Berikutan itu, perniagaan plaintif sebagai agen jual-beli kenderaan bermotor telah terjejas teruk disebabkan oleh kehilangan kepercayaan umum selepas insiden tersebut di mana akhirnya perniagaannya telah terpaksa ditutup menyebabkan beliau kehilangan punca pendapatan. Kehidupan peribadi plaintif juga telah terjejas terutamanya perkahwinannya di mana telah bercerai atas permintaan isteri beliau.

[18] Plaintif menegaskan defendan-defendan adalah terikat oleh statut, kaedah, peraturan-peraturan dan *common law* untuk mengendalikan butir-butir dan dalaman yang benar, betul dan terkini bagi kesemua kenderaan bermotor yang didaftarkan di pejabat cawangan masing-masing dan/atau secara umum di seluruh Malaysia dan secara umum menyelia, mempastikan dan membekalkan maklumat terkini mengenai kesemua rekod kenderaan bermotor disimpan olehnya dan berkenaan pengangkutan jalan di seluruh Malaysia menurut Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ).

[19] Defendan ketiga adalah Kerajaan Malaysia dan selaku majikan kepada defendan pertama dan defendan kedua adalah bertanggungan secara vikarius bagi kesemua tindakan (action) dan perlangkauan (omission) oleh defendan pertama dan/atau defendan kedua dan/atau pengkhidmatnya dan/atau agennya kerana kecuaian dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai pekerja dan agen kepada defendan ketiga semasa menjual motokar

tersebut kepada plaintif. Plaintif telah berjaya membuktikan bahawa defendan pertama adalah individu yang telah menjual motokar tersebut kerana beliau telah menandatangani Surat Persetujuan dan Penerimaan Syarat-syarat Penjualan Secara Pelelongan Awam bertarikh 31 Oktober 2008 dan pengesahan penjualan serta kebenaran membawa keluar motokar tersebut bertarikh 12 November 2008. Plaintif merujuk kepada prinsip undang-undang yang diputuskan dalam kes *Keppel Bus Co Ltd v. Sa'ad Bin Ahmad* [1972] 1 LNS 53; [1972] 2 MLJ 121 dan *Roshairee Abd Wahab v. Mejar Mustafa Omar & Ors* [1997] 1 CLJ Supp 39; [1996] 3 MLJ 337.

[20] Plaintif menghujahkan telah berjaya membuktikan kecuaian defendan-defendan di atas imbangan kebarangkalian dan juga berjaya membuktikan kehilangan dan kerugian yang dialaminya. Oleh itu, plaintif berhak untuk menuntut kehilangan dan kerugian seperti yang dipohon dalam penyataan tuntutannya.

Hujahan Defendan

[21] Defendan menghujahkan sekiranya motokar tersebut adalah kereta curi sekalipun, defendan-defendan mendakwa tidak mempunyai pengetahuan bahawa motokar tersebut adalah kenderaan curi semasa proses lelongan kenderaan tersebut kerana tiada terdapat maklumat senarai hitam diterima daripada pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) ke pangkalan data Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang menghalang defendan-defendan daripada meneruskan lelongan awam kenderaan tersebut. Oleh itu proses lelongan awam kenderaan tersebut adalah sah sebagaimana peruntukan s. 64 APJ.

[22] Dakwaan plaintif bahawa defendan-defendan mempunyai pengetahuan bahawa kenderaan tersebut adalah kenderaan curi kerana tuanpunya asal motokar tersebut (SP5) telah memaklumkan kepada JPJ status kenderaan tersebut melalui surat-surat dan laporan polis yang telah difakskan oleh beliau kepada seorang pegawai bernama Mazlan bin Mohamad yang bertugas di JPJ Selangor adalah tidak berasas kerana keterangan tersebut disangkal oleh SP3 bahawa tiada pegawai bernama Mazlan bin Mohamad yang bertugas di JPJ Selangor. Plaintif juga gagal mengemukakan bukti bahawa surat-surat tersebut yang terkandung maklumat bahawa motokar tersebut adalah kenderaan curi telah berjaya dihantar kepada JPJ Selangor. Maka dakwaan bahawa JPJ mempunyai pengetahuan bahawa kenderaan tersebut adalah kenderaan curi dan tidak sah untuk dilelong adalah tidak berasas dan merupakan rekaan semata-mata.

[23] Defendan-defendan merujuk kepada kes-kes berikut:

(a) *Abraham Ho Ah Loke v. William Manson-Hing* [1948] 1 LNS 2; [1949] MLJ 37 di ms. 42 di mana Mahkamah Rayuan memutuskan:

> In my view, the credibility of a witness's story should be based on its inherent consistency with the facts and circumstances alleged therein. Is the story probable? is the test. Weight is added to this initial probability by other factors: Corroboration by other

witnesses will strengthen it; credible extrinsic circumstantial evidence will do the same; and lastly the demeanour and tone in which the witness gives evidence will add to fortify (if favourable) the inherent probability of the story.

(b) Kes *Guan Teik Sdn Bhd v. Hj Mohd Noor Hj Yakob & Ors* [2000] 4 CLJ 324 juga dirujuk yang mana adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa apabila terdapat percanggahan keterangan, mahkamah tidak sewajarnya terus menilai keterangan tersebut. Di ms. 325, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa:

> [1] Bila mana keterangan yang bercanggah dikemukakan di mahkamah, ianya adalah tugas mahkamah untuk tidak hanya menimbangkan keterangan tersebut pada imbangan kebarangkalian tetapi mahkamah juga mesti melihat kesemua fakta-fakta sekeliling dan menimbang serta menilai dokumen-dokumen semasa yang mungkin akan memantapkan kebenaran atau sebaliknya.

[24] Defendan-defendan boleh bersetuju bahawa tindakan cuai dalam melelong kenderaan tersebut sekiranya ada keterangan sama ada lisan atau dokumentari bahawa makluman berkenaan motokar tersebut telah dihantar oleh SP5 dan diterima dengan sempurnanya oleh JPJ Selangor. Kerana apa yang penting adalah bukti bahawa adanya "penerimaan" makluman tersebut oleh JPJ Selangor untuk menjadikan pemberitahuan makluman tersebut adalah suatu pemberitahuan yang sempurna. Defendan-defendan merujuk kepada kes *Yogananthy AS Thambaiya v. Idris Osman* [1997] 5 CLJ 705 di ms. 714, Mahkamah Tinggi memutuskan:

> It is my judgment that the purpose of serving a document as laid down by the Rules Committee is simply to ensure that its contents are available to the recipient and whether that document is served by personal service or by fax the net result is the same – the recipient will receive the message and be made aware of its contents. I am aware that what is transmitted through the facsimile machine is not the document but rather an electronic message. One must be able to distinguish between the method of transmission and the result of the transmission by fax. The recipient's facsimile machine will receive the message from the sender using the recipient's paper and that message will be the document which the sender intended should be served. I do not think that sending a document by fax lacks the necessary degree of formality for service of a document in a legal proceeding. What is required and is of utmost importance is that a legible and a complete copy of the document should be in the possession of the recipient; and if that be the situation there was indeed a good service.

[25] Defendan-defendan telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab selaras dengan prosedur semasa jabatan dan peruntukan undang-undang dalam melaksanakan proses lelongan awam motokar tersebut kerana apabila motokar tersebut telah ditahan dan disita pada 28 September 2005 di bawah s. 64(1) APJ, defendan-defendan telah melaksanakan tugasnya tertakluk

kepada keperluan seksyen tersebut dan prosedur sedia ada berkaitan proses penahanan dan penyitaan kenderaan. Seksyen 64(1) APJ memperuntukkan seperti berikut:

> Kuasa menyita kenderaan motor
>
> 64. (1) Apabila mana-mana orang didapati atau dengan semunasabahnya dipercayai menggunakan sesuatu kenderaan motor dengan melanggar Akta ini atau apa-apa perintah atau larangan yang dibuat di bawahnya, atau dengan melanggar terma lesen bagi kenderaan motor itu, mana-mana pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah, atau Dato Bandar boleh, pada bila-bila masa didapati bahawa kenderaan motor itu atau pemandunya tidak dapat dikenal pasti dengan secukupnya atau bahawa tindakan itu perlu untuk mengelakkan berlakunya lagi kesalahan itu, membawa atau menyebabkan dibawa atau menghendaki orang yang menjaga suatu kenderaan motor membawa kenderaan motor itu ke suatu tempat yang selamat, dan disimpan di situ sehingga dilepaskan dengan perintah Majistret, Ketua Pegawai Polis, Pengarah atau Dato Bandar, dengan syarat dan tertakluk kepada subseksyen (3), kenderaan motor itu tidak boleh ditahan lebih lama dari yang diperlukan bagi memastikan identiti pemandu itu atau bagi menjamin tidak berlakunya lagi kesalahan itu, dan jika mana-mana orang enggan atau cuai mematuhi mana-mana kehendak itu, dia melakukan suatu kesalahan.

[26] Defendan-defendan telah menghujahkan kehendak peruntukan s. 64(1) APJ tersebut dan prosedur sedia ada jabatan berkaitan tahanan dan sitaan kenderaan tersebut telah pun dipatuhi. SD1 dalam keterangannya menyatakan bahawa segala prosedur berkenaan penahanan dan penyitaan kenderaan tersebut telah dipatuhi di mana notis saman, notis penahanan kenderaan dan notis temu siasat di bawah s. 114(1) APJ telah dikeluarkan oleh JPJ Selangor kepada pemunya berdaftar pada masa material iaitu Mariani binti Ali (isteri SP5). SP5 juga turut memaklumkan bahawa ada menerima notis untuk tujuan lelong kenderaan tersebut yang mana selepas penerimaan notis tersebut, beliau dan isteri telah ke JPJ Bentong untuk memaklumkan status kenderaan tersebut.

[27] Defendan-defendan juga menghujahkan bahawa lelongan awam telah mengikut kehendak peruntukan s. 64(4) APJ dan prosedur semasa jabatan berkaitan proses lelongan awam motokar tersebut juga telah dipatuhi. Seksyen 64(4) APJ dengan jelas memperuntukkan:

> Kuasa menyita kenderaan motor
>
> 64. (4) Apabila mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah seksyen ini, pegawai yang menahan kenderaan itu hendaklah, dengan seberapa segera yang munasabah, memberi notis secara bertulis mengenai penahanannya itu kepada pemunya kenderaan motor itu jika nama dan alamat pemunya itu diketahui olehnya, dan jika kenderaan motor itu tidak dituntut oleh pemunyanya dalam masa tiga bulan dari tarikh kenderaan itu ditahan, pegawai itu boleh, selepas memberikan satu bulan notis dalam

Warta mengenai niatnya hendak berbuat demikian, menjual dengan cara lelong awam atau dengan cara lain melupuskan kenderaan motor itu serta muatannya (jika ada); dengan syarat bahawa tiada apa-apa notis sedemikian perlu diberikan dalam hal apa-apa muatan daripada jenis mudah musnah. Hasil, jika ada, daripada jualan atau pelupusan itu hendaklah dipakai bagi membayar apa-apa fi lesen yang genap masanya berkenaan dengan kenderaan motor itu dan apa-apa caj yang ditanggung dalam menjalankan seksyen ini, dan lebihnya jika ada, hendaklah dibayar kepada pemunya kenderaan motor itu atau jika tidak dituntut oleh orang itu dalam masa dua belas bulan selepas tarikh jualan atau pelupusan itu, hendaklah dilucut hak pada Kerajaan Persekutuan atau Dato Bandar, mengikut mana yang berkenaan.

[28] Defendan-defendan menghujahkan bahawa tiada peruntukan dalam APJ yang meletakkan tanggungjawab kepada defendan-defendan untuk membuat semakan senarai hitam dengan PDRM bagi kenderaan terlibat kes jenayah (kenderaan curi), oleh itu tiada kecuaian pecah tugas di pihak defendan-defendan sebagaimana dakwaan plaintif. Dalam kes ini tanggungjawab defendan-defendan hanyalah tertakluk kepada kepatuhan peruntukan s. 64 APJ sahaja berkaitan urusan lelongan awam kenderaan yang ditahan dan disita yang mana telah pun dipatuhi. Bagi menyokong hujahan ini, kepada keputusan Siti Norma Yaakob HMP (memberikan keputusan Mahkamah Persekutuan) di dalam *Nordin Hj Zakaria (Timbalan Ketua Polis Kelantan) & Anor v. Mohd Noor Abdullah* [2004] 2 CLJ 777 di ms. 784 yang menyatakan:

There cannot be any breach of duty where non exists in law.

[29] Defendan-defendan menegaskan adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa kesalahan/kecuaian hanya wujud sekiranya undang-undang meletakkan tanggungjawab kepada individu tersebut yang mana tanggungjawab tersebut kemudiannya telah dimungkiri.

[30] Berkenaan dengan isu reputasi plaintif yang dikatakan terjejas akibat dari kecuaian defendan-defendan, defendan-defendan menghujahkan bahawa dalam kes ini plaintif gagal membuktikan di bawah imbangan kebarangkalian bahawa reputasi plaintif telah terjejas. Ini kerana SP1 bersetuju dakwaan reputasinya terjejas hanyalah pendapat beliau sahaja dan berita penangkapannya tidak dilaporkan dalam mana-mana akhbar atau disiarkan dalam media massa. Maka, tiada bukti bahawa dalam kes ini reputasi plaintif telah terjejas akibat insiden beliau ditangkap oleh polis tersebut. Secara alternatif, sekiranya dibuktikan bahawa reputasi plaintif terjejas sekalipun, tiada bukti yang menunjukkan bahawa ianya disebabkan oleh defendan-defendan.

[31] Defendan juga turut menghujahkan bahawa penceraian plaintif dengan isterinya adalah tiada kaitan dengan defendan-defendan mahupun dengan insiden tangkapan plaintif di Pasar Ramadhan yang menurut dakwaan plaintif merupakan satu-satunya sebab penceraian plaintif.

[32] Berkenaan dengan trauma yang dialami plaintif yang dikatakan akibat dari kecuaian defendan-defendan adalah rekaan plaintif semata-mata hanya saksi pakar yang boleh mengesahkan yang mana gagal dikemukakan oleh plaintif untuk pertimbangan Mahkamah Yang Mulia ini. Defendan-defendan juga menghujahkan bahawa trauma bukanlah suatu "penyakit mental" yang mana membolehkan plaintif berhak kepada sebarang ganti rugi di bawah undang-undang.

[33] Berkenaan isu kos pembaikan yang dikeluarkan oleh plaintif, defendan-defendan menegaskan bahawa plaintif tidak berhak menuntut ganti rugi atas perbelanjaan pembaikan kenderaan tersebut kerana segala kerosakan ke atas kenderaan tersebut tiada kaitan dengan defendan-defendan dan plaintif telah juga gagal membuktikan melalui keterangan lisan atau dokumentar bahawa segala kerosakan kepada kenderaan tersebut adalah semasa dalam simpanan defendan-defendan atau disebabkan oleh defendan-defendan.

[34] Defendan-defendan turut menghujahkan dakwaan perniagaan plaintif terjejas di mana plaintif terpaksa menjual kenderaan-kenderaan lain milik syarikatnya di bawah harga modal adalah rekaan plaintif semata-mata. Plaintif telah gagal membawa apa-apa bukti sama ada melalui keterangan lisan atau bukti dokumentar yang menunjukkan kenderaan tersebut dijual dengan harga di bawah harga modal selepas kejadian plaintif ditangkap polis atas kesalahan memiliki kenderaan curi.

[35] Berkenaan dengan dakwaan plaintif bahawa beliau kehilangan pendapatan sebanyak RM152,000 yang diakibatkan dari kecuaian defendan-defendan, defendan-defendan berhujah bahawa ianya adalah dakwaan kosong tanpa bukti yang kukuh dan tidak diperincikan dengan jelas. Pendapatan plaintif sebagai penjual kenderaan terpakai diragui kerana tiada sebarang bukti dikepilkan bahawa adanya penerimaan jumlah elaun tersebut daripada akaun syarikat tersebut kepada plaintif. Malahan, pendapatan plaintif sebagai pelakon juga diragui kerana tiada apa-apa dokumen menyokong pendapatan tersebut melainkan keterangan lisan sahaja dikemukakan bahawa plaintif mempunyai sumber pendapatan lain iaitu sebagai pelakon. Oleh yang demikian, memandangkan plaintif telah gagal memplidkan secara spesifik kehilangan sumber pendapatan dalam pernyataan tuntutan plaintif (melainkan hanya menyatakan secara am sahaja kehilangan adalah berjumlah RM152,000) plaintif tidak layak memohon sebarang ganti rugi kehilangan pendapatan ini. Defendan-defendan turut menghujahkan sekiranya mahkamah berhasrat untuk memberikan ganti rugi untuk kehilangan pendapatan, defendan-defendan menghujahkan memandangkan plaintif tidak dapat membuktikan dengan kukuh jumlah pendapatan yang dituntut, mahkamah hanya boleh memberikan sebanyak 1/3 daripada jumlah keseluruhan pendapatan sahaja. Berdasarkan kes *Lim Ah Chi v. Tan Ah Mui & Anor* [1968] 1 LNS 67; [1968] 1 MLJ 215 yang mana Mahkamah Persekutuan memutuskan di ms. 217:

> … Doing the best we can and taking into consideration all the factors we had earlier set out, we would assess his monthly profits at about $225. Making deduction of $75 per month all that he could reasonably spare was in the region at about $150 per month. From this $10 per month should also be deducted for the breakfast he had at home.

[36] Berkenaan isu ganti rugi teruk, defendan-defendan menghujahkan sekiranya mahkamah berhasrat untuk memberikan ganti rugi teruk, hanya jumlah nominal sebagaimana dalam kes *Gurcharan Singh Bachittar Singh v. Penguasa, Tempat Tahanan Perlindungan Kamunting, Taiping & Ors* [1996] 4 CLJ 219 sewajarnya diberikan.

> Because of an error in procedure he was set free much earlier than he would have been. Yet he chose to turn against the Government claiming damages for a technical error. Such action is deplorable, and to display its utmost displeasure and revulsion towards the plaintiff's claim, this Court hereby awards a sum of RM1 as nominal damages to the plaintiff with no order as to costs and interest as claimed.

[37] Mengenai ganti rugi teladan pula, defendan-defendan menghujahkan bahawa plaintif tidak berhak kepada ganti rugi teladan kerana perbuatan defendan-defendan tidak termasuk dalam kategori pertama prinsip ganti rugi teladan. Seperti yang diputuskan dalam kes *Rookes v. Barnard* [1964] AC 1129 Lord Devlin telah menetapkan tiga kategori yang melayakkan seseorang untuk berhak diberikan ganti rugi teladan, iaitu:

(a) the first category is oppressive, arbitrary or unconstitutional action by the servants of the government;

(b) second category are those in which the defendant's conduct has been calculated by him to make a profit for himself which may well exceed the compensation payable to the respondent;

(c) expressly authorised by statute.

[38] Maka defendan-defendan adalah dihujahkan bahawa berdasarkan alasan-alasan tersebut di atas, jelas dari segi undang-undang dan fakta bahawa plaintif tidak berhak kepada ganti rugi teladan kerana tindakan defendan-defendan tidak termasuk di bawah kategori-kategori yang dirujuk dalam kes *Rookes v. Barnard* (*supra*) di atas. Namun sekiranya mahkamah berpendapat sebaliknya amaun yang dicadangkan adalah sebanyak RM3,000 sahaja.

[39] Defendan-defendan menghujahkan berdasarkan keterangan yang ada plaintif telah gagal membuktikan di bawah imbangan kebarangkalian terhadap defendan-defendan dan memohon mahkamah yang mulia menolak tuntutan plaintif di dalam kes ini.

Isu-Isu

[40] Dalam mencapai keputusan mahkamah merumuskan isu-isu yang perlu diputuskan adalah berikut:

A (a) Sama ada defendan pertama dan kedua telah cuai atau gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab rasminya apabila menjual kenderaan curi bernombor pendaftaran CAV 4198 secara lelongan awam kepada plaintif.

B (b) Sama ada defendan ketiga selaku majikan kepada defendan pertama dan kedua bertanggungan secara "vicarious" bagi kesemua tindakan dan perlangkauan oleh defendan pertama dan kedua dalam menjual kereta curi tersebut.

(c) Sama ada plaintif berhak untuk menuntut ganti rugi dari kesemua
C defendan.

Penemuan

[41] Dalam mencapai kepada penemuan ini, mahkamah telah mengambilkira fakta dan bukti keterangan yang berikut:

D (a) Plaintif telah membeli sebuah kereta jenis Perodua Kancil (EX) bernombor pendaftaran CAV 4198 dengan harga RM1250 melalui lelongan awam yang diadakan oleh defendan pertama.

(b) Adalah tidak dipertikaikan bahawa kereta tersebut disahkan sebagai sebuah kereta curi.

E (c) Defendan mendakwa tidak mempunyai pengetahuan sama sekali bahawa kenderaan tersebut adalah kereta curi semasa proses lelongan dibuat oleh defendan pertama dan kedua pada 31 Oktober 2008.

(d) Plaintif telah ditangkap pada 14 September 2009 oleh pihak PDRM atas
F kesalahan memiliki kereta curi tersebut.

(e) Kereta tersebut telah dikembalikan kepada pihak menuntut iaitu Etiqa Insuran.

[42] Setelah mendengar keterangan saksi-saksi kesemua pihak di dalam kes ini and meneliti bukti dokumentari yang dikemukakan serta hujahan oleh
G kesemua pihak, mahkamah dalam mencapai kepada keputusan ini atas keimbangan kebarangkalian membenarkan tuntutan plaintif atas alasan berikut:

(a) Liabiliti:

H (i) Mahkamah mendapati proses lelongan awam kenderaan tersebut yang dilaksanakan oleh defendan telah dijalankan mengikut peruntukan s. 64(4) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Notis sita telah dikeluarkan dan telah akuiterima oleh SP5, selaku pemilik kereta tersebut yang kemudiannya telah mematuhi kehendak notis dengan
I mengambil tindakan memfakskan dokumen-dokumen dipohon kepada JPJ Selangor untuk perhatian En Mazlan bin Mohamad yang mana penama ini telah diberi oleh JPJ Bentong, Pahang. Walau

bagaimanapun defendan telah mendakwa dokumen-dokumen tersebut tidak diterima dan tidak wujud seorang bernama Mazlan bin Mohamad sebagai kakitangan JPJ Selangor. Dalam hal ini mahkamah berpendapat bahawa adalah tidak material untuk SP5 memastikan sama ada wujud atau tidak seorang yang bernama Mazlan bin Mohamad bertugas di JPJ Selangor. Adalah memadai keperluan dokumen di bawah notis tersebut telah dihantar kepada JPJ Selangor dan bukti penghantaran telah dikemukakan. Dalam masa yang sama plaintif juga tidak perlu membuktikan bahawa dokumen tersebut telah diterima oleh defendan.

(ii) Melalui notis sita tersebut, mahkamah berpendapat bahawa defendan pertama dan kedua sememangnya mempunyai pengetahuan bahawa kereta tersebut adalah kereta curi. Adalah menjadi tanggungjawab defendan pertama dan kedua juga untuk memastikan status kereta tersebut bebas dari sebarang sekatan sebelum lelongan tersebut dilaksanakan dan defendan pertama dan kedua telah gagal untuk memastikan tanggungjawab ini. Dalam erti kata lain proses lelongan awam ke atas kereta tersebut telah dibuat tidak melalui satu proses yang teliti dan berhati-hati kerana kedua dua defendan telah mengetahui sejak 25 September 2005 bahawa kereta tersebut telah ditahan atas beberapa kesalahan di bawah APJ yang boleh membawa kemungkinan yang munasabah bahawa kereta tersebut adalah kereta yang bermasalah dan berkemungkinan sebuah kereta curi.

(iii) Defendan-defendan telah meletakkan kegagalan memastikan status kereta tersebut atas pihak PDRM dengan alasan PDRM telah gagal mengemaskini senarai hitam dalam pangkalan data. Mahkamah tidak bersetuju dan adalah tidak wajar defendan pertama dan kedua meletakkan kegagalan tersebut ke atas pihak PDRM sedangkan adalah menjadi tanggungjawab kedua-dua defendan untuk menentukan lelongan kereta tersebut dibuat tanpa sebarang permasalahan pemilikan. Oleh itu mahkamah memutuskan bahawa defendan pertama dan kedua telah cuai dalam memastikan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab berkaitan dengan status motokar tersebut sebelum lelongan awam dilakukan.

(iv) Mahkamah mendapati plaintif telah berjaya membuktikan liabiliti terhadap defendan pertama dan kedua, maka defendan ketiga selaku majikan kepada defendan pertama dan kedua adalah bertanggungan secara "vicarious" bagi kesemua tindakan oleh defendan pertama dan kedua. "When a servant does an act which he is authorised by his employment to do in certain circumstances or in a manner which is unauthorised and improper, in such cases the employer is liable for the wrongful act".

(b) Kuantum

(i) Plaintif mempunyai beban membuktikan kedua-dua liabiliti dan kuantum ganti rugi, sebelum berjaya mendapatkan jumlah yang dituntut. Beban membuktikan fakta adalah atas orang yang mendakwa dan bukan atas orang yang menafikannya, dengan itu, di mana dakwaan membentuk bahagian penting dalam kes seseorang, pembuktian dakwaan terletak ke atasnya (s. 103 Akta Keterangan 1950). Jika plaintif gagal membuktikan kedua-dua liabiliti dan kuantum ganti rugi, adalah tidak memadai untuk plaintif dengan hanya menyatakan jumlah ganti rugi yang dituntutnya, dia harus membuktikan kerugian yang dialaminya dengan memuaskan hati mahkamah. Lihat kes *Datuk Mohd Ali Hj Abdul Majid & Anor v. Public Bank Bhd* [2014] 6 CLJ 269.

(ii) Mahkamah membenarkan ganti rugi khas sebanyak RM12,335 atas alasan ianya merupakan kesan akibat langsung penjualan motokar tersebut oleh defendan-defendan kepada plaintif yang mana sekiranya plaintif mengetahui motokar tersebut adalah kenderaan curi maka adalah munasabah plaintif tidak akan membeli dan juga tidak akan membelanjakan sejumlah wang sepertimana yang dituntut. Mahkamah menerima dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh plaintif yang merupakan resit bayaran kerana ianya tidak dipertikaikan dan langsung dicabar oleh defendan-defendan dan dengan itu diterima sebagai dokumen di bawah Bahagian B Ikatan Dokumen.

[43] Bagi tuntutan kehilangan pendapatan, plaintif menyatakan disebabkan penangkapannya berhubung isu motokar tersebut yang telah menyebabkan pelanggannya hilang keyakinan dan perniagaannya terpaksa ditutup. Ini telah menyebabkan plaintif tidak dapat bekerja dan menuntut kehilangan punca pendapatan RM8,000 sebulan selama 19 bulan yang berjumlah RM152,000. Mahkamah mendapati dokumen yang mengesahkan plaintif menerima RM8,000 sebulan daripada syarikat GI Mart Auto World tidak dipertikaikan oleh defendan-defendan malah tidak dicabar di dalam pemeriksaan balas. Walaupun defendan-defendan tidak membantah di atas kemukaan dokumen tersebut mahkamah mendapati plaintif telah gagal untuk membuktikan mengapa beliau tidak dapat bekerja dalam ertikata lain plaintif gagal mengemukakan bukti dari segi perubatan atau sebab-sebab lain jika sekiranya ada untuk membuktikan bahawa beliau tidak dapat bekerja untuk selama 19 bulan sebagaimana tempoh yang dituntut bagi kehilangan pendapatan. Mahkamah berpendapat tempoh 19 bulan kehilangan pendapatan tersebut bukanlah satu jangka masa yang munasabah walaupun tempoh tersebut pada sebilang masa tidak dicabar oleh defendan-defendan. Jika benar plaintif tidak dapat bekerja dan perniagaannya menjadi merudum, adalah menjadi tanggungjawab plaintif mengambil langkah yang sewajarnya

dalam usaha mengurangi kerugian (mitigate the loss) yang didakwa tetapi tiada keterangan dari plaintif untuk menunjukkan sebaliknya. Dalam kes *Bekalan Sains P & C Sdn Bhd v. Bank Bumiputra Malaysia Bhd* [2011] 1 LNS 232; [2011] 5 MLJ 1) Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa "The appellant is duty bound to take all reasonable steps to mitigate the loss suffered consequent upon the respondent bank's purported breach of contract. Yet the appellant did not do so. Viscount Haldane LC in *British Westinghouse Electric And Manufacturing Co Ltd v. Underground Electric Railways Co of London Ltd* [1912] AC 673 (HL) at p. 689 aptly said:

> The fundamental basis is thus compensation for pecuniary loss naturally flowing from the breach; but this first principle is qualified by a second, which imposes on a plaintiff the duty of taking all reasonable steps to mitigate the loss consequent on the breach, and debars him from claiming any part of the damage which is due to his neglect to take such steps.

[44] Pearson LJ in *Darbishire v. Warren* [1963] 1 WLR 1067 (CA), expressed the meaning behind the phrase 'duty to mitigate the loss' in these erudite terms

> … it is important to appreciate the true nature of the so-called 'duty to mitigate the loss' or 'duty to minimise the damage'. The plaintiff is not under any actual obligation to adopt the cheaper method: if he wishes to adopt the more expensive method, he is at liberty to do so and by doing so he commits no wrong against the defendant or anyone else. The true meaning is that the plaintiff is not entitled to charge the defendant by way of damages with any greater sum than that which he reasonably needs to expend for the purpose of making good the loss. In short, he is fully entitled to be as extravagant as he pleases but not at the expense of the defendant.

[45] Mahkamah dengan ini menolak ganti rugi kehilangan pendapatan yang dituntut oleh plaintif.

Gantirugi Am

[46] Plaintif menuntut pampasan gantirugi sebanyak RM1,000,000 akibat kecuaian defendan yang menyebabkan plaintif mengalami trauma yang besar kesan dari penangkapan oleh pihak polis ke atas dirinya yang secara langsung menyebabkan plaintif kehilangan reputasi sebagai seorang artis dan kehilangan kepercayaan umum sebagai seorang agen jual beli kereta. Berlanjutan dari ini plaintif kehilangan punca pendapatan dan kehidupan peribadinya terjejas sehingga berlakunya penceraian perkahwinan. Mahkamah telah menimbangkan hujah plaintif dan mendapati kesan yang dialami oleh plaintif adalah benar dan munasabah. Namun, perkiraan yang dibuat tidak disokong oleh apa-apa dokumen, resit atau bukti. Tambahan pula plaintif gagal membawa keterangan yang memuaskan dalam membuktikan bahawa reputasinya terjejas dan mengalami trauma akibat insiden ditahan oleh PDRM atas kesalahan memiliki kereta curi. Namun

begitu adalah tidak dinafikan bahawa kejadian tangkapan berlaku terhadap plaintif berpunca dari akibat langsung selepas membeli kereta curi akan tetapi bukti keterangan yang menyebabkan plaintif kehilangan keyakinan di kalangan pelanggan sebagai seorang penjual kenderaan terpakai dan juga sebagai seorang artis tidak memuaskan mahkamah sepenuhnya. Walaupun mahkamah beranggapan ianya boleh berlaku kepada plaintif sebagai penjual kereta terpakai dan sebagai seorang artis. Defendan-defendan dalam hal ini tiada sebarang masa mencabar dan menghujah tuntutan ganti rugi am yang dituntut oleh plaintif. Dengan itu mahkamah berpendapat defendan-defendan menyetujui apa yang dihujahkan dan dituntut oleh plaintif. Atas alasan tersebut di atas mahkamah membenar ganti rugi am bagi jumlah sebanyak RM50,000 kepada plaintif sebagai jumlah yang wajar dan munasabah.

Gantirugi Teladan

[47] Dalam kes *American International Assurance Company Ltd v. Koh Yen Bee* [2002] 4 CLJ 49 yang dipetik dalam bahasa asalnya seperti berikut:

> … In respect of exemplary damages restricted to three categories, namely:
>
> a. oppressive, arbitrary or unconstitutional conduct by government servants;
>
> b. conduct calculated to result in profit to the defendant; and
>
> c. where expressedly authorised by statute.
>
> Lihat: *Rookes v. Barnard (supra)* and *Foong Chee Chong v. Inspector Mohd Nasir Shamsuddin & Anor* [1998] 4 CLJ 309.

[48] Adalah jelas bahawa pemberian ganti rugi teladan adalah terhad kepada kategori yang disebut di atas dan dalam kes ini ialah sama ada berlakunya tindakan bersifat menindas, sewenang-wenang atau tidak mengikut perlembagaan oleh pihak pegawai kerajaan. Mahkamah mendapati plaintif telah gagal untuk membuktikan bahawa beliau adalah tergolong dalam salah satu dari tiga kategori yang dinyatakan. Mahkamah mendapati tindakan defendan-defendan hanya menjurus kepada unsur-unsur kecuaian kepada ketidakpatuhan prosedur iaitu kegagalan defendan-defendan untuk menentukan status motokar tersebut. Dengan itu mahkamah menolak tuntutan ganti rugi teladan dan ganti rugi teruk (tidak diplidkan oleh plaintif).

[49] Faedah pada kadar 5% setahun ke atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman ke tarikh penyelesaian penuh.

[50] Kos sebanyak RM15,000 kepada plaintif.